

20 SEP 1998

Komanwel-Tinju (Rangkuman)

TANPA DIDUGA, ENGLAND KUASA ACARA TINJU

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- England mengejutkan banyak banyak pihak, khususnya kuasa tradisi tinju Komanwel, Kanada untuk muncul sebagai juara keseluruhan acara tinju Sukan Komanwel Ke-16 dengan merangkul empat pingat emas pada hari terakhir pertandingan di sini hari ini.

Pengurus pasukan England, Ian Irwin, ternyata gembira dengan kejayaan peninjunya, Chris Bessey (71kg), John Pearce (75kg), Courtney Fry (81kg) dan Audley Harrison di dalam kategori berat melebihi 91kg.

Harrison menutup persembahan cemerlang England dan tirai pertandingan tinju dengan bergaya apabila beliau menamatkan perlawanannya dengan keputusan 'K.O.'. Beliau hanya mengambil masa 65 saat untuk menamatkan cabaran peninju Seychelles, Michael Macaque.

"Ini adalah pencapaian yang mengagumkan," kata Irwin kepada Bernama mengenai pencapaian luar biasa England bagi mengenyahkan Kanada untuk muncul sebagai kuasa baru sukan tinju Komanwel.

Selain empat pingat emas, England membawa balik dua pingat gangsa. Gary Jones dan Andrew McLean mendapat pingat gangsa setelah masing-masing layak ke peringkat separuh akhir kategori 48kg dan 60kg.

Irwin menyatakan bahawa England menghadapi tugas sukar untuk mempertahankan pencapaiannya itu di Manchester empat tahun dari sekarang. Bagaimanapun, England akan mendapat sokongan padu para penonton tempatan pada ketika itu.

Sokongan penyokong tempatan terbukti memberikan kelebihan yang membantu Malaysia mencatatkan sejarah pada pertandingan kali ini.

Dengan sokongan bersemangat para penonton yang memenuhi stadium termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sapok Biki memberikan persembahan terbaiknya untuk mencatatkan kemenangan sensasi ke atas peserta pilihan, Moses Kinyua.

Pasukan Kenya bagaimanapun enggan menerima keputusan perlawanan itu dan mendakwa bahawa mereka menjadi mangsa mutu pengadilan yang buruk.

"Kami tidak menerima kekalahan ini. Tetapi kami tidak akan membuat bantahan rasmi. Ia akan ditolak. Di dalam hati kami, Kinyua adalah pememangnya," kata jurulatihnya, Albert Mitato.

Bolding yang sebelum pertandingan bermula, meramalkan untuk memenangi 10 pingat emas. Mereka bagaimanapun hanya membawa balik dua pingat perak dan satu gangsa.

Kanada, yang dianggap sebagai "Cuba Komanwel", memulakan cabaran mereka dengan enam peninju pilihan untuk memenangi emas. Malangnya, hanya Michael Strange (63.5 kg), Jeremy Molitor (67kg) dan Mark Simmons (91kg) menepati ramalan untuk merangkul pingat emas.

Mungkin kejayaan Strange untuk muncul sebagai peninju pertama Kanada yang berjaya mempertahankan pingat emas Sukan Komanwel boleh mengubah sedikit kekecewaan pasukannya kali ini.

Seperti Malaysia, negara-negara "kerdil" seperti Mauritius dan Tanzania turut berjaya meraih pingat emas untuk mewarnai suasana pertandingan.

-- BERNAMA

azg MZ